



TARIKH	SELASA, 17 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	5 CALON TEKAD PERKASA CUEPACS
M/S	6
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CUEPACS

5 calon tekad perkasa CUEPACS

Mahu suara 1.6 juta penjawat awam didengar kerajaan, nasib terbelah

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my



Zainal Ismail

Mohd Razali Singh

Adnan Mat

Abdul Malik Mohamed Zin

Ahmad Shuffir Zakaria

Kuala Lumpur: Lima calon akan bertanding merebut jawatan Presiden CUEPACS bagi penggal 2019-2022 pada Rabu ini, tekad untuk memperkasa badan itu agar kembali disegani dan berkesan dalam memperjuangkan nasib 1.6 juta penjawat awam di negara ini.

Mereka juga mahu suara penjawat awam di segenap peringkat didengar kerajaan dan kebijakan kakitangan sektor itu terbelah, antaranya termasuk melalui semakan semula Skim Perkhidmatan Awam bagi meneliti pembayaran gaji dan laluan kerjaya, selain menyediakan golongan itu dengan kemahiran terkini bagi memasuki Revolusi Perindustrian 4.0.

Lima calon berkenaan ialah Timbalan Presiden CUEPACS II, Zainal Ismail; Setiausaha Agung, Adnan Mat; Setiausaha Kewangan, Mohd Razali Singh; Presiden Kesatuan Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia (KPHMSM), Datuk Ahmad Shuffir Zakaria dan Presiden Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia, Abdul Malik Mohamed Zin.

La berikutan Presiden CUEPACS, Datuk Azli Muda tidak akan mempertahankan jawatan disan-

dangnya pada pemilihan kali ini. Zainal yang juga Presiden Kesatuan Lembaga Air Perak (LAP), berazam mengembalikan imej CUEPACS ke arah perjuangan berteraskan kobajikan, selain mengutamakan konsep rundingan tiga pihak, iaitu di antara pekerja, majikan dan kerajaan dalam situasi kerjasama pintar.

"Berdasarkan slogan 'Tiada Tertinggal dan Tiada Tertinggal', saya akan memperjuangkan kadar upah atau 'rate for job' sebagai asas meningkatkan produktiviti dan integriti kakitangan awam jika dipilih menerajui CUEPACS.

"Selain itu, mengadakan rundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan bagi merealisasikan konsep laluan kerjaya dan rasionalisasi perkhidmatan awam," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Mengenal isu kontrak perkhidmatannya dengan LAP yang tamat hujung tahun ini, Zainal berkata, majikannya memberi jaminan dan kelulusan untuk kontrak beliau disambung selama tiga tahun lagi jika memenangi jawatan Presiden CUEPACS.

Sementara itu, Adnan yang juga Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak

Berkuasa Tempatan, beriltizam meneruskan kesinambungan kepemimpinan CUEPACS ke arah daya saing lebih global, selain menjadikan badan itu sebagai kesatuan disegani di seluruh dunia.

Sambil berazam berjuang untuk meningkatkan kadar upah terbaik bagi semua penjawat awam di seluruh negara, beliau menegaskan, CUEPACS perlu menjadi badan induk kesatuan yang dominan di negara ini, selain meningkatkan usaha ke arah menjadikan profesion dalam sektor awam berdaya saing dalam pasaran kerja.

Bagi Mohd Razali, perubahan menyeluruh perlu dilakukan terhadap CUEPACS untuk mengembalikan kegemilangan badan itu dalam perjuangan membela kebajikan penjawat awam.

Katanya, CUEPACS perlu menjadi pihak pertama memberi maklum balas terhadap tohmahan atau perkara berbangkit berkaitan penjawat awam dan perlu kembali tidak dihirami, disegani, digeruni serta tidak dipandang remeh.

"Kenaikan gaji dan elaun setara juga akan diperjuangkan, khususnya bagi penjawat awam dari golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan golongan ber-

pendapatan 40 peratus pertengahan (M40) supaya diselarasakan dengan kos sara hidup semasa.

"Saya akan memperjuangkan penggredan skim penguatkuasaan dan keselamatan perlu bermula dengan Gred 29 serta memastikan kerajaan terus mengekalkan skim pencen bagi lantikan penjawat awam baharu supaya mereka rasa dihargai dan diiktiraf sepanjang berkhidmat membangunkan negara," katanya.

Ahmad Shuffir pula melihat dalam tempoh enam tahun kebelakangan, CUEPACS gagal berfungsi secara berkesan terutama dalam pembangunan modal insan.

Berdasarkan pengalamannya menerajui KPHMSM selama lapan tahun, beliau berazam memperkasa tadbir urus CUEPACS berlandaskan integriti, selain menyediakan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi mengukur kebolehpayaan dan kejayaan badan itu mengikut piawahan ditetapkan.

"Misi saya jika menang adalah menyemak dan memperkemas Skim Perkhidmatan Awam secara berkala dan berterusan.

"Saya akan menyediakan kertas kerja permohonan beberapa perkara baharu untuk pertimbangan kerajaan terutama berka-

tan kemajuan laluan kerjaya berasaskan Pakar Bidang Khusus (SME) kepada kumpulan pelaksana dan pemilihan rumah untuk penjawat awam," katanya.

Sementara itu, Abdul Malik memaklumkan, semakan semula Skim Perkhidmatan Awam yang tidak disemak sejak 2002, akan membolehkan skim yang ada ditambah baik, sesuai dengan tugas penjawat awam yang semakin mencabar.

"Saya bercadang mengadakan satu platform rasmi antara kerajaan dan CUEPACS bagi bahar perundingan bersama, Bersama Kebangsaan melalui Mesyuarat Bersama (MBK) ketika ini.

"Mesyuarat ini dipengerusikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan ahli perlu bertanding merebut jawatan mengikut gred perkhidmatan bagi memastikan isu dibawa pekerja dalam diselesaikan segera," katanya.

Kira-kira 1,400 perwakilan CUEPACS dari seluruh negara akan menunaikan tanggungjawab mereka memilih kepimpinan baharu badan itu sempena Konvensyen Triharian CUEPACS Ke-28 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Shah Alam selama tiga hari, bermula hari ini.

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM